

## RENCANA

## KONVOKESYEN UNIVERSITI SAINS KEMASYARAKATAN SINGAPURA (SUSS)

Disebabkan Covid-19, mereka yang tamat pengajian di universiti tahun lalu tidak dapat menjalani konvokesyen secara fizikal. Namun, dengan sekatan dilonggarkan, penuntut Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) yang tamat pengajian tahun lalu dapat menjalani konvokesyen mereka secara fizikal baru-baru ini. **BERITA HARIAN** menyorot kisah beberapa individu yang berjaya menggenggam segulung ijazah. Mereka bukan hanya mempunyai minat yang mendalam dalam bidang yang diceburi, malah menjadi contoh baik bahawa pendidikan itu sepanjang hayat.



**TIDAK MAHU TERUS DALAM ZON SELESA:** Cik Shariffah Faizah Syed Ibrahim, Pengurus (Pengurusan Risiko Kereta Api) di SMRT, berkata bijak membahagi masa dan sokongan orang sekeliling amat penting dalam usahanya memburu ijazah. – Foto ihsan SHARIFFAH FAIZAH SYED IBRAHIM

## ‘Loncatan’ berbaloi buru ijazah selepas 16 tahun bekerja

► **NUR HUMAIRA SAJAT**  
nhumaira@sph.com.sg

SETELAH sekitar 16 tahun berkecimpung dalam alam pekerjaan, Cik Shariffah Faizah Syed Ibrahim memutuskan membuat ‘loncatan’ dan kembali ke bangku sekolah.

Wanita berusia 43 tahun itu, contoh seorang pelajar sepanjang hayat, percaya bahawa pendidikan akan membantunya mempertingkatkan diri dan mendaki tangga kerjaya.

Cik Shariffah, yang tamat pengajiannya tahun lalu, sudah berjaya menggenggam segulung ijazah Sarjana Muda dalam jurusan perniagaan dari Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) dan baru-baru ini menjalani konvokesyennya secara fizikal.

Menyifatkan keputusannya untuk kembali ke sekolah sebagai “terjun botol”, Cik Shariffah, ketika dihubungi *Berita Harian* (BH), berkata beliau bangga dengan dirinya dan tidak menjangka dapat melangkah sejauh ini.

Berkat ketekunannya, beliau berjaya menyelesaikan pengajiannya secara sambil bekerja sepenuh masa dalam tempoh empat setengah tahun.

Biarpun bukan mudah dan beliau menghadapi pelbagai cabaran, Cik Shariffah tetap tabahkan diri dan berjaya sampai ke tahap menara gading.

Pengurus (Pengurusan Risiko Kereta Api) di SMRT itu berkata:

“Ibu bapa, suami saya amat menyokong. Rakan-rakan yang saya kenali di SUSS juga menjadi peneman saya apabila kami belajar. Saya juga bersyukur mendapat sokongan daripada bos saya di SMRT yang prihatin dan fleksibel. Kadangkala apabila saya ada kelas malam, mereka membenarkan saya untuk tinggalkan tempat kerja lebih awal.

“Saya rasa ia semuanya tentang bagaimana anda membahagikan masa anda, keutamaan dan sokongan daripada orang di

“ Saya rasa kita tidak patut berhenti belajar kerana

sentiasa terdapat kemahiran baru untuk belajar, teknik baru untuk diamalkan. Jadi kita perlu terus mencari cara untuk memperbaiki diri supaya kita dapat kekal relevan dalam dunia dan ekonomi yang sering berubah-ubah.

– **Cik Shariffah Faizah Syed Ibrahim, lulusan Sarjana Muda jurusan perniagaan, Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).**

sekeliling,” ujarnya.

Apabila ditanya apa yang mendorongnya untuk sambung belajar setelah sekian lama, Cik Shariffah berkata beliau mendapati dirinya sudah berada dalam zon selesa di

tempat kerjanya dan ingin “setaraf” dengan rakannya yang lain.

“Dengan daya saing yang semakin meningkat dalam negara dan ekonomi, saya rasa penting bagi seseorang mempertingkatkan diri supaya kita mempunyai kelebihan dari segi daya saing dalam tenaga kerja. Saya juga rasa saya mungkin ketinggalan berbanding rakan kerja saya yang lebih berkelayakan dari segi pendidikan,” ujarnya, yang sebelum ini merupakan pemegang Diploma Kejuruteraan Elektronika dari Politeknik Nanyang.

Dalam pada itu, Cik Shariffah berkata dengan tanggungjawabnya yang semakin meningkat di tempat kerja, beliau mahu mempertingkatkan diri.

Sepanjang pengajiannya, apa yang didapati berguna bagi Cik Shariffah adalah kemahiran insani seperti kerja berpasukan yang baginya penting dalam alam pekerjaan.

Sebagai seorang pengurus di tempat kerjanya sendiri, kemahiran yang diraih telah membantunya mempelajari cara memberi motivasi kepada pasukannya, membahagikan kerja antara mereka dan mengajar beliau kemahiran kepimpinan.

Ditanya sama ada beliau mahu melanjutkan pelajaran, Cik Shariffah berkata beliau ingin berehat buat setahun dua ini sebelum mengorak langkah.

“Saya rasa kita tidak patut berhenti belajar kerana sentiasa terdapat kemahiran baru untuk belajar, teknik baru untuk diamalkan. Jadi kita perlu terus mencari cara untuk memperbaiki diri supaya kita dapat kekal relevan dalam dunia dan ekonomi yang sering berubah-ubah.

“Di Singapura, pemerintah kita memberi banyak subsidi, jadi ambillah peluang untuk pertingkatkan diri sama ada dengan melanjutkan pelajaran atau mengambil kursus pendek untuk mempertingkatkan kemahiran,” nasihatnya.

## Rasa beruntung dapat ceburi jurusan kerja sosial dan menyumbang semasa pandemik

PADA mulanya semasa menuntut di Politeknik Singapura, Cik Nasuha Ramin menceburi jurusan perbankan dan kewangan.

Tetapi, beberapa lama kemudian beliau menemui minatnya yang sebenar iaitu dalam bidang kerja sosial.

Sebagai seorang yang pernah menerima bantuan kewangan semasa menuntut dahulu, pekerja sosial berusia 28 tahun di Pusat Khidmat Keluarga Thye Hua Kwan di Bedok North itu kini gembira beliau dapat menyumbang semula kepada masyarakat.

Cik Nasuha merupakan antara kumpulan perintis pelajar kerja sosial sepenuh masa di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) yang berjaya menggenggam ijazah Sarjana Muda dalam Kerja Sosial.

Baru-baru ini beliau hadir secara fizikal di majlis konvokesyen SUSS untuk menerima ijazahnya.

Menceritakan keputusannya mengikuti bidang kerja sosial, Cik Nasuha berkata setelah tamat pengajian di politeknik pada 2014, beliau bekerja di sebuah syarikat celik kewangan untuk meraih pengalaman.

Disebabkan perwatakannya yang suka menolong orang, pengurusnya menasihatinya agar melanjutkan pelajaran dan mengambil kursus diploma lebih tinggi di Institut Perkhidmatan Sosial yang kini dikenali sebagai diploma Kelayakan Kemahiran Tenaga Kerja (WSQ) dalam perkhidmatan sosial.

Justeru, apabila SUSS menawarkan kursus jurusan kerja sosial pada 2016, Cik Nasuha tidak teragak-agak untuk membuat permohonan.

Kini, beliau menangani dan membantu mereka daripada pelbagai latar belakang yang menghadapi masalah sosial.

“Bagi saya, membuat kerja sosial adalah suatu keistimewaan... bukan mudah bagi seseorang membenarkan orang yang tidak dikenali mengetahui dan membantunya mengatasi masalah peribadi dan keluarganya.

“Jadi, apabila keluarga-keluarga ini rela berkongsi kisah mereka dan memberi saya kebenaran untuk mendekati dan membantu mereka, ia memberi saya keyakinan bahawa kerja ini adalah untuk saya,” ujarnya yang memulakan pekerjaannya itu pada Julai tahun lalu.


Beliau, yang pada mulanya berasa kluatir akan sukar mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian tahun lalu, akhirnya berjaya mendapat pekerjaannya itu setelah membuat beberapa permohonan.

Dalam masa seminggu beliau menghantar senarai kelayakannya dan membuat permohonan kerja, Cik Nasuha diundang menghadiri tiga temu duga kerja.

“Saya rasa ia mungkin disebabkan keadaan dan

### GIAT BANTU YANG MEMERLUKAN:

Cik Nasuha, yang baru sahaja menghadiri konvokesyen fizikal di SUSS, kini bekerja sebagai pekerja sosial di Pusat Khidmat Keluarga Thye Hua Kwan di Bedok North. – Foto BH oleh GAVIN FOO



“ Bagi saya, membuat kerja sosial adalah suatu keistimewaan... bukan mudah bagi seseorang membenarkan orang yang tidak dikenali mengetahui dan membantunya mengatasi masalah peribadi dan keluarganya. Jadi, apabila keluarga-keluarga ini rela berkongsi kisah mereka dan memberi saya kebenaran untuk mendekati dan membantu mereka, ia memberi saya keyakinan bahawa kerja ini adalah untuk saya.

– **Cik Nasuha Ramin, raih ijazah Sarjana Muda dalam Kerja Sosial dari SUSS.**

masalah sosial yang timbul daripada Covid-19, jadi terdapat permintaan yang tinggi bagi pekerja sosial.

“Pada waktu itu, orang ramai mengalami stres kerana cuba menyesuaikan diri dengan suasana jangkitan Covid-19. Ada yang menganggu dan ia mendatangkan beban kewangan serta masalah emosi yang boleh menjejaskan hubungan mereka dengan orang yang tersayang,” tambahnya.

Baginya, pengalamannya di universiti telah memberinya peluang menimba pengalaman menerusi praktikum yang perlu diselesaikan.

Praktikum membantunya melihat kehidupan sebenar di luar buku teks di sekolah dan memberinya pendedahan, keyakinan dan mempertingkatkan interaksinya dengan golongan yang memerlukan, kata Cik Nasuha, yang menerangkan beliau berasal daripada keluarga serba sederhana dan merupakan anak keempat dalam lima adik-beradik.

“Dengan apa yang saya lakukan kini, saya juga dapat memainkan peranan dan menyumbang semula kepada masyarakat,” ujarnya positif. – **NUR HUMAIRA SAJAT**

## RENCANA

## KONVOKESYEN UNIVERSITI SAINS KEMASYARAKATAN SINGAPURA (SUSS)

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**  
nfathin@sph.com.sg

MESKIPUN sibuk dengan pelbagai tugas yang perlu diimbangi, sekolah selalu merupakan keutamaannya.

Encik Muhammad Hassanal Ruslan yang akur suka memastikan dirinya sentiasa ada sesuatu untuk dilakukan, baru-baru ini berjaya mengenggam ijazah Sarjana Muda dalam Perakaunan daripada Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

Namun, sepanjang tahun-tahunnya sebagai pelajar Sarjana Muda SUSS, jejaka berusia 26 tahun itu tidak hanya sibuk belajar.

Waktunya turut dihabiskan sebagai seorang model, jurulatih kecergasan, pelakon dan pelatih di syarikat Lion Global Investors dan Kuok Singapore Limited.

“Memandangkan jadual saya yang sibuk, saya mesti sangat disiplin dan menyetepikan waktu untuk belajar dan membuat tugas sekolah.

“Sekolah merupakan keutamaan saya dan yang lainnya akan saya lakukan apabila saya ada waktu lapang,” katanya ketika dihubungi *Berita Harian*.

Ditanya mengapa beliau pilih melibatkan diri dalam begitu banyak aktiviti, Encik Hassanal berkata beliau memang selalu mencahapi peluang yang diberikan kerana “jika anda tidak memanfaatkan peluang itu, orang lain akan melakukannya”.

“Sesuatu peluang itu pun mampu mengubah kehidupan anda, jadi apabila peluang itu tersedia saya akan memanfaatkannya,” tambah beliau.

Anak bongsu dua beradik itu pernah mewakili Singapura di Thailand dan Korea dalam pertandingan Manhunt dan Face of Asia pada 2017, berlakon dalam penerbitan Mediacorp seperti Tanglin, KIN dan Jejak Jenayah, serta menjadi model bagi majalah Esquire dan 8 Days.

Cita-citanya bekerja dalam industri kewangan telah mendorongnya memilih mempelajari tentang perakaunan di universiti, jelas Encik Hassanal.

“Saya rasa perakaunan merupakan ilmu yang sangat relevan kerana ia merupakan asas perniagaan.

“Oleh kerana saya tidak memiliki pengalaman atau ilmu tentang perakaunan sebelum ini, ia semestinya bukan sesuatu yang mudah, namun dengan bimbingan daripada profesor dan kawan-kawan yang berfikiran serupa, saya dapat tamat pengajian dan mendapatkan ijazah ini,” kata beliau.

# Berdisiplin timba ilmu bawa jaya di sebalik kesibukan

**BIJAK BAHAGIKAN MASA:** Encik Muhammad Hassanal Ruslan pandai mengimbangi masanya sebagai pelajar Sarjana Muda di SUSS, model, jurulatih kesihatan dan pelakon, selain melalui dua peluang latihan di dua syarikat di sini. – Foto-foto BH oleh LIM YAOHUI



“Mempunyai sikap yang tidak pernah mengaku kalah, ketekunan dan kerja keras akan mendatangkan keuntungan bagi diri kita sendiri. Selain itu, kegagalan tidak bererti kita sudah tiba di penghujung jalan, apa yang penting ialah bagaimana kita bangkit semula dan maju ke hadapan.

– Encik Muhammad Hassanal Ruslan, lulusan ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

Bahkan, beliau kini mendapati dirinya semakin teliti dan akan memeriksa segala sesuatu dengan tepat ketika melakukan satu-satu tugas, katanya.

Kini, Encik Hassanal sudah enam bulan bekerja sebagai akauntan di Allgreen Prop-

erties Limited dan merancang mahu mengambil sijil profesional (CA) atau sarjana pada masa akan datang.

Bekas pelajar St Joseph's Institution dan Maktab Rendah St Andrew's itu turut berkongsi kata nasihat.

“Mempunyai sikap yang tidak pernah

mengaku kalah, ketekunan dan kerja keras akan mendatangkan keuntungan bagi diri kita sendiri.

“Selain itu, kegagalan tidak bererti kita sudah tiba di penghujung jalan, apa yang penting ialah bagaimana kita bangkit semula dan maju ke hadapan,” ujarnya.

## Garap ilmu baru kerana mahu terus capai lebih baik



**DULU DUNIA KORPORAT, KINI MULAKAN SYARIKAT SENDIRI:** Cik Supatriana Supaat menubuhkan syarikat Livconsciously pada Oktober 2020 setelah lebih 15 tahun berkhidmat dalam industri pelancongan dan sosial.

BELIAU berpengalaman lebih 15 tahun dalam industri pelancongan dan sosial, malah pernah memimpin beberapa projek berskala besar di luar negara.

Namun, ia tidak menghalang Cik Supatriana Supaat daripada mahu mencapai dan melakukan lebih baik.

Semangatnya untuk belajar sepanjang hayat dan menggarap ilmu baru telah mendorong beliau kembali ke universiti dan berjaya mengemangi ijazah sarjananya.

Pengasas syarikat Livconsciously Pte Ltd itu baru-baru ini tamat pengajian di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) dengan mengenggam ijazah Sarjana dalam Kepimpinan Masyarakat dan Pembangunan Sosial.

Dalam wawancara e-mel bersama akhbar ini, Cik Supatriana, 44 tahun, berkongsi bahawa kerjayanya bermula di Lembaga Pelancongan Singapura (STB) sebelum menyertai Bintang Resorts International (BRI), Sentosa Leisure Group dan kemudian Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF).

Selama enam tahun di STB, beliau ditugaskan melakukan beberapa projek serantau seperti Forum Pelancongan Asean, Kerjasama Pelancongan Malaysia-Singapura (MSTC) dan Segitiga Pertumbuhan Ekonomi Singapura, Malaysia dan Indonesia (IMSGT).

Beliau kemudian dihantar bekerja di Pejabat Serantau STB di Kuala Lumpur di mana beliau bertanggungjawab membangunkan segmen pelancong bagi urusan perniagaan, mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (BTMICE) dan Malaysia Tengah.

Setelah bertahun-tahun mendapatkan keuntungan komersial, Cik Supatriana berkata beliau mahu menyumbang kepada masyarakat dan ini mendorongnya menyertai MSF.

Di situ, beliau antara lain memainkan peranan dalam menyediakan sokongan bagi individu yang berkahwin semula serta keluarga tiri melalui kerjasama dengan salah sebuah badan Melayu/Islam di sini.

“Saya bertahan lama dalam sektor korporat kerana ia telah memberi saya banyak peluang untuk belajar, berkembang dan menyumbang.

“Pengalaman kerja saya dalam badan-badan itu telah membina kemahiran saya dalam pengurusan projek, kerjasama dan pemasaran.

“Walaupun bagaimanapun, saya baru-baru ini meninggalkan dunia korporat kerana saya ingin melakukan sesuatu sendiri dan memberi kesan secara langsung kepada masyarakat,” jelas beliau, yang sudah berumah tangga selama 12 tahun dan tidak mempunyai cahaya mata.

Mengikuti program sarjana mudanya itu di SUSS memberinya peluang mempelajari kemahiran dan ilmu berkaitan pemahaman pelbagai disiplin mengenai isu dan cabaran dalam amalan kepimpinan masyarakat seperti modal sosial dan pembangunan sosial yang mampan, katanya.

Pada Oktober tahun lalu, Cik Supatriana juga telah menubuhkan syarikatnya, Livconsciously, yang berperanan sebagai platform menemui dan menyokong inisiatif yang menimbulkan kesan sosial.

“Tujuan utamanya ialah untuk memupuk masyarakat pengguna dan pengeluar yang sadar mengenai melindungi alam sekitar dan golongan yang terdedah,” katanya.

Banyak yang dipelajari di SUSS telah dimanfaatkan Cik Supatriana dalam menguruskan syarikatnya itu dan pada masa yang sama membina peluang kerjasama dengan individu serta syarikat lain. – NUR FATHIN AWALLUDIN

## Sukar dapat pekerjaan, lulusan SUSS tubuh 2 perniagaan ‘startup’



**BERJINAK-JINAK URUSKAN ‘STARTUP’:**

Meskipun beliau lulus semasa pandemik dan menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan tetap, Cik Siti Fardiana Mohd Nahar telah ‘mencipta’ pekerjaan buat dirinya sendiri dengan melibatkan diri dalam The Wear Affair dan Livestock Rewards. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

► **HARITH MUSTAFFA**  
harithr@sph.com.sg

BUKAN senang untuk mendapatkan pekerjaan jika tamat pengajian semasa pandemik sekarang.

Namun, bagi seorang lulusan Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS), beliau seolah-olah “mencipta pekerjaan untuk dirinya sendiri”.

Cik Siti Fardiana Mohd Nahar, 26 tahun, kini giat melibatkan diri sebagai pengasas bersama dua perusahaan perintis atau *startup* dalam bidang-bidang yang amat berbeza sekali.

Pertama, yang dikenali sebagai The Wear Affair, merupakan sebuah *startup* yang mengamalkan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi menyediakan pilihan pakaian tertentu buat pelanggan.

Yang kedua pula adalah sebuah kemudahan pelabuhan bagi memiliki ternakan di sebuah ladang ternakan di Malaysia.

Cik Fardiana, yang telah lulus tahun lalu dengan meraih ijazah Sarjana Muda Sains bidang Pengurusan Rangkaian Bekalan, berkata mereka yang baru tamat pengajian semasa pandemik ini perlu bersikap terbuka dan merebut segala peluang yang ada di pasaran pekerjaan.

Beliau telah mendapatkan peluang untuk berjinak-jinak dalam perusahaan perintis ini setelah menyertai Program Venture Builders yang dikendalikan bersama SUSS dan Program Pelatihan SGUnited November lalu.

Program itu berlangsung selama sembilan bulan dan menawarkan gaji sebanyak \$2,500 sepanjang tempoh latihan itu.

“Bagi saya, dalam keadaan pandemik sekarang memang tidak mudah bagi kita yang baru lulus memasuki pasaran pekerjaan.

“Jadi, saya memutuskan untuk terus mendalami bidang *startup* ini supaya saya dapat membina kemahiran saya dalam mengendalikan sebuah perniagaan sendiri.

“Tanpa program ini, saya rasa, ‘how to survive?’ Amat sukar untuk mendapatkan pekerjaan tetap kerana kami tidak mempunyai kemahiran.

“Jadi, sekurang-kurangnya saya ada pendedahan seperti ini,” kata Cik Fardiana lagi, anak ketiga dalam keluarga empat beradik.

Selain berkecimpung dalam kedua-dua *startup* itu, Cik Fardiana juga bekerja sepenuh masa sebagai pekerja perkhidmatan dan barista dalam sebuah kafe tempatan.

Menurutnya, ini adalah untuk memastikan beliau kekal dapat meraih pendapatan sendiri dan kian berkari.

Menyentuh tentang perjalanan pelajarannya, beliau berkata:

“Dengan keadaan sekarang amat sukar mencari hubungan antara kerjaya dengan pelajaran yang kita lalui.

“Kita harus bersikap terbuka untuk merebut sebarang peluang yang datang kepada kita dan mungkin dari segi akademik, ia memainkan peranan hanya 10 hingga 20 peratus sahaja.

“Yang lain kita harus cari jalan sendiri,” katanya terus terang.

Sepanjang empat tahun di SUSS, beliau telah diberi banyak pendedahan mengenai pelbagai industri terutamanya industri logistik dan cara perniagaan dijalankan di situ.

Malah, beliau juga memainkan peranan dalam tugas pemasaran, pengurusan media sosial dan operasi logistik bagi usaha perintisnya, The Wear Affair.

Pada masa depan nanti, kata Cik Fardiana, dengan segala kemahiran yang diperolehinya sekarang, beliau ingin menubuhkan sebuah perusahaan sosial yang berkhidmat kepada golongan yang memerlukan serta memperkasa wanita.